

07 FEB 2001

Ladang-Gaji

45,000 PEKERJA LADANG DAN KILANG KELAPA SAWIT DAPAT GAJI BULANAN

KUALA LUMPUR, 7 Feb (bernama) -- Sebanyak 45,000 pekerja ladang dan kilang kelapa sawit di 450 estet di seluruh negara akan menikmati gaji bulanan berkuatkuasa 1 Jan tahun ini sehingga 2003.

Menteri Sumber Manusia Datuk Dr Fong Chan Onn hari ini berkata ini berikutan persetujuan yang dicapai antara Persatuan Pengeluar Pertanian Malaya (MAPA) dengan Kesatuan Kebangsaan Pekerja Ladang (NUPW) setelah perundingan di antara kedua-dua pihak berlangsung lebih setahun.

"Kedua-dua pihak telah bersetuju hari ini, jaminan pendapatan minimum setiap bulan sebanyak RM325 sebulan sebagai 'safety net' dengan syarat pekerja datang setiap hari dan melaksanakan kerja yang diarahkan," katanya kepada pemberita selepas menyaksikan majlis menandatangani Perjanjian Bersama antara MAPA dan NUPW di kementerian itu, di sini.

Pada majlis itu, MAPA diwakili Ketua Jawatankuasa Perundingnya, Ho Dua Tiam dan Pengarah MAPA, Mohammed Audong manakala NUPW diwakili Setiausaha Eksekutif Kebangsaan A.Navamukundan dan Setiausaha Agungnya G. Sankaran.

Dr Fong berkata selain gaji bulanan yang tetap, setiap pekerja ladang dan kilang kelapa sawit juga akan terus menikmati bayaran upah asas "piece rate" yang diamalkan sekarang dengan kenaikan kadar sebanyak 7.5 peratus mulai 1 Jan 2001 sehingga 31 Dis 2003.

Mereka juga akan menikmati elaun kedatangan lebih tinggi iaitu RM80 sebulan (bagi pemetik kelapa sawit) berbanding RM70 sebelum ini manakala bagi pekerja kilang adalah RM40 berbanding RM32 sebulan sebelum ini.

"Selain itu, bonus harga yang berdasarkan harga minyak kelapa sawit semasa juga akan terus dibayar," kata Dr Fong lagi.

Tuntutan terhadap gaji bulanan pekerja ladang telah dibangkitkan oleh NUPW pada penghujung tahun 1999.

Ia telah mendapat perhatian Presiden MIC Datuk Seri S. Samy Vellu serta Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang meminta kedua-dua pihak berusaha mencari jalan penyelesaian kepada isu itu.

Pada Mac tahun lalu, Dr Fong mengarahkan kes itu dirujuk kepada Mahkamah Perindustrian apabila kedua-dua pihak gagal mencari penyelesaian dan mahkamah telah menetapkan kes itu didengar 8 Feb ini (esok).

Walaupun tidak ada penyelesaian dibuat, kedua-dua pihak meneruskan rundingan dengan Jabatan Perhubungan Perusahaan yang bertindak sebagai orang tengah dan dalam masa yang sama, kementerian meminta Fakulti Ekonomi, Universiti Malaya mengadakan satu kajian mengenai isu itu.

Laporannya disiapkan dan dikemukakan kepada kementerian serta MAPA dan NUPW untuk dibincangkan Disember lalu sehingga mendorong kepada persetujuan mengenai penetapan gaji bulanan itu hari ini.

Setiausaha Eksekutif Kebangsaan NUPW, A. Navamukundan, berkata pihaknya berjaya menyelesaikan perkara itu setelah kedua-dua pihak tidak mahu perkara itu diteruskan dalam mahkamah perusahaan.

Navamukundan berkata dengan perjanjian ini, setiap pekerja ladang akan mendapat purata pendapatan antara RM700 sehingga RM800 sebulan berbanding hanya gaji hari sebanyak RM11.50 sehari.

Beliau melahirkan penghargaan kepada Dr Fong serta Ketua Pengarah Jabatan Perhubungan Pekerja, Datuk Ismail Abdul Rahim yang berusaha keras membolehkan perjanjian itu ditandatangani.

Ketua Perunding MAPA Ho Dua Tiam pula berkata perjanjian ini merupakan yang pertama kali dalam sejarah perladangan negara dan akan menyebabkan kos sebanyak RM210 juta dalam tempoh tiga tahun akan datang.

Bagaimanapun, beliau gembira perkara itu akhirnya dapat diselesaikan dengan baik dan berharap produktiviti pekerja ladang dan kilang kelapa sawit di negara ini dapat ditingkatkan.

"Ini sebenarnya telah memberikan kos kepada kami tetapi kami percaya melalui pelaksanaan gaji bulanan ini, produktiviti pekerja juga akan meningkat," katanya.

Mengenai gaji bulanan untuk pekerja ladang getah, Dr Fong berkata perkara itu masih dirundingkan dan berharap ia akan dapat diselesaikan tidak lama lagi.

"Kita berharap dengan perjanjian ini, ia akan menjadi titik-tolak dan langkah permulaan ke arah menyelesaikan masalah gaji bulanan dalam sektor yang lain," katanya.

-- BERNAMA

AT ZS NMO